

---

Title	Kertaskerja 4: Mengenal kebudayaan melalui sastera
Author	Muhammad Ariff bin Ahmad

---

Copyright © 1978 Muhammad Ariff bin Ahmad

SEMINAR KEBUDAYAAN MELAYU SINGAPURA 1978

anjuran: Majlis Pusat Pertubuhan2 Budaya Melayu Singapura  
dan Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura

23 hingga 25 Disember 1978

kertaskerja 4:

MENGENAL KEBUDAYAAN MELALUI SASTERA

oleh: Muhammad Ariff b Ahmad

A L Kroeber dan C Kluckhohn menerusi bukunya "Culture, A Critical Review of Concepts and Definition" telah menganalisa sebanyak 160 tafsiran tentang Kebudayaan (Culture); tetapi Kluckhohn sendiri mengonsepan Kebudayaan itu sebagai satu sistem eksplisit dan implisit yang berterusan yang dicipta oleh manusia dan untuk kehidupan supaya dinikmati oleh se-kalian atau sebilangan tertentu anggota-anggota masyarakat manusia.

E B Taylor mengungkapkan bahawa Kebudayaan ialah kompleks keseluruhan yang terkandung di dalamnya: pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, adat, undang-undang, dan lain-lain kepandaian dan kebiasaan yang di-peroleh dan diamatkan manusia sebagai anggota masyarakat.

Dr Mohd Hatta, menerusi kumpulan keempat karangan-karangannya membuat pembatasan bahawa kultur (kebudayaan) itu dianggap sivilisasi apabila tujuan jasmaninya lebih besar dan bertitikberat pada materialisma; tetapi ia (kebudayaan) menjadi peradaban apabila faktor-faktor adab dan moral lebih besar pengaruhnya. Yang demikian, sivilisasi yang juga disebut "Kebudayaan Jasmani" ialah kebudayaan yang menghasilkan kepuasan material, termasuklah ilmu-pengetahuan, pelajaran, politik, ekonomi, undang-undang dan teknik; manakala peradaban yang juga disebut sebagai "Kebudayaan Rohani" adalah kebudayaan yang menghasilkan kepuasan mental, termasuklah falsafah, pendidikan, kesusasteraan, kesenian, adat-istiadat dan kepercayaan (bukan agama).

Prof Dr Koentjaraningrat, menerusi bukunya "Pengantar Antropológi" menyebutkan bahawa ada tujuh unsur kemestaaan kebudayaan (cultural universal) iaitu:

- pertama: peralatan dan perlengkapan hidup manusia - termasuk pakaian, perumahan, alat-alat rumah-tangga, senjata, alat-alat pengeluaran/penghasilan, kenderaan, pengangkutan dan sebagainya;
- kedua: matapencarian dan sistem ekonomi - termasuk pertanian, perternakan, perindustrian, perburuhan dan sebagainya;

ketiga: sistem kemasyarakatan - termasuk sistem kekerabatan, sistem persemendaan, sistem hukum dan adat, organisasi politik dan sebagainya;

keempat: kesenian - termasuk senirupa, senisuar, senilakun, senitari, senisilat, hobi dan hiburan, kraft dan sebagainya;

kelima: bahasa dan kesusasteraan;

keenam: sistem pendidikan dan pengajaran; dan

ketujuh: kepercayaan.

Meneliti huraian-huraian di atas dapatlah kita mengerti bahawa Kebudayaan itu ialah ciptaan manusia yang ditimbulkan oleh kecerdasan fikiran manusia untuk disuguhkan kepada manusia sesudah mereka supaya menjadikan kehidupan manusia-manusia kemudiannya itu lebih baik, lebih sempurna dan dapat mencapai samada kepuasan jasmani atau kepuasan rohani mereka. Dan, sastera adalah termasuk unsur kebudayaan yang dicipta manusia untuk mencapai kepuasan mereka; terutamanya kepuasan rohani mereka.

Menurut apa yang difahami orang masa kini, sastera ialah pernyataan fikiran yang disampaikan kepada penerimanya samada menerusi lisan atau tulisan; berupa ciptaan (karya kreatif) yang bersifat fiksyen; menggunakan bahasa yang indah samada berbentuk prosa atau puisi.

Para sasterawan, pengkaji-pengkaji dan penikmat-penikmat sastera, malah guru-guru sastera bersetuju dengan ungkapan bahawa "sastera lama adalah pancaran masyarakat lama; dan sastera baru adalah pancaran masyarakat baru". Dalam ungkapan ini tersimpul makna bahawa sastera adalah rakaman hidup manusia menurut zaman-zamannya (jika kita mahu melihat betapa kehidupan dan cara hidup manusia di abad 17 maka kenalah kita membaca sastera ciptaan abad ke 17 itu). Menerusi salahsatu tulisan saya dalam tahun 1953, ungkapan itu pernah saya tambah dengan pendapat bahawa "sastera modern (yang bermula semenjak tahun 1948) herdaklah memancarkan masyarakat modern". Maksud saya, fungsi sastera itu bukanlah semata-mata merakamkan sahaja tetapi ia harus juga menyarankan!

Bagaimanapun, samada sastera itu pancaran atau memancarkan masyarakat zamannya, kita masih dapat melihat atau mengenali unsur-unsur kebudayaan zaman-zaman tertentu melalui sastera itu. Membaca kisah-kisah sejarah seperti "Sejarah Melayu" atau "Hang Tuah" misalnya, kita dapat melihat

betapa sistem pemerintahan kerajaan Melayu - sistem politik; sistem per-tadbiran dan sistem masyarakat - zaman itu; kita dapat melihat betapa yang muda menghormati yang tua; kita dapat melihat juga betapa taat-setia rakyat Melayu kepada rajanya. Menerusi Hikayat Hang Tuah kita dapat melihat bahawa taat kepada raja adalah mengatasi segala ketaatan yang lain. Malah di satu ketika ketaatan itu telah menggelapkan pertimbangan; sesuatu yang benar telah dianggap tidak benar.

Membaca cerita-cerita penglipur lara seperti hikayat-hikayat "Malim Dewa"; "Raja Muda"; "Awang Sulung Merah Muda"; "Anggun Cik Tunggal" dan yang seumpamanya, selain daripada dapat melihat kehidupan kaum bangsawan yang berdaulat dan kehidupan rakyat yang melarat tetapi taat, kita dapat juga melihat adat-adat yang diamalkan dalam kehidupan bangsawan, misalnya adat raja-raja "makan beradat" dinyatakan dalam sisomba:

Santapnya santap beradat:  
 dua suap ketiga sudah  
 keempat basuh tangan  
 kelima kumur-kumur  
 keenam makan sirih -  
 ketatnya jatuh ke rongkongan;  
 serinya naik ke muka.

Taat-setia rakyat-jelata yang hina-dina itu menjunjung titah raja jelas digambarkan dalam sisomba:

Apakala dipukul tabuh larangan  
 dititir canang pemanggil  
 dipalu gong pelaung,  
 maka datanglah raja-raja, menteri-hulubalang, pendekar, johan pahlawan,  
 dan rakyat tentera hina-dina sekaliannya:

Dari jauh menjunjung duli  
 sudah dekat langsung menyembah  
 terangkat kadam jari sepuluh  
 kuncup seperti sulur bakung;  
 Yang capik datang bertongkat  
 yang buta meraba-raba  
 yang tuli leka bertanya  
 yang kecil terambin lintang  
 yang jarak tolak-tolakan  
 yang pendek tinjau-meninjau  
 yang kurap mengekor angin!

Dalam mengerjakan urusan rajanya, seluruh rakyat dipekerjakan menurut layaknya; tidak kecuali sesiapa, termasuk yang cacat juga:

Yang pekak pembakar meriam  
 yang buta penghembus lesung  
 yang lumpuh penghalau ayam  
 yang kurap pemikul buluh ... dan sebagainya.

Menerusi cerita-cerita penglipur lara itu juga kita dapat melihat bahawa kehidupan manusia zaman itu tidaklah semata-mata berjejak di bumi nyata, tetapi khayalnya membawa mereka hidup juga di alam ghaib dan alam kayangan.

Membaca cerita-cerita jenaka seperti kisah-kisah "Pak Pandir", "Pak Kaduk", "Pak Belalang", "Lebai Malang" dan yang seumpamanya, yang biasa disebut orang sebagai sastera rakyat itu kita dapat melihat kehidupan manusia-manusia di luar golongan bangsawan. Menerusi keadaan-keadaan jenakanya kita dapat melihat kedenguan-kedenguan manusia di samping melihat kejujuran mereka; kita dapat melihat Pak Pandir yang lurus - betul bendul - itu mewakili watak kebanyakan manusia yang pasif hidupnya; kita dapat melihat kesalahtimbangan Pak Kaduk yang mengakibatkan "ayamnya menang kampungnya tergadai" kerana dia tidak mampu menembusi muslihat yang memerangkapnya.

Kita dapat juga melihat sikap hidup Lebai Malang yang sentiasa memikirkan keuntungan itu akhirnya rugi juga yang diperolehnya. Dan, menerusi kisah Pak Belalang pula, kita dapat melihat orang-orang yang jujur selalu bernasib baik.

Walaupun kelucuan-kelucuan begitu menonjol dalam kisah-kisah jenaka seperti itu, pada pendapat saya, jika ia diolah dengan baik maka kisah-kisah itu dapat dinikmati sebagai bahan-bahan pendidikan, terutama pendidikan moral. Dan, unsur-unsur kebudayaan yang dapat kita lihat menerusi cerita-cerita jenaka itu ialah unsur-unsur pendidikan. Manusia zaman belum mempunyai sekolah adalah mempelajari sesuatu menerusi iktibar, kiasan dan menimbang dari pengalaman.

Pancaran fikiran yang disampaikan menerusi sastera diterima oleh penerima lalu menimbulkan reaksi penerima bertindak memperelok kehidupannya. Inilah yang disebut "proses kebudayaan". Dan, menerusi proses inilah kita "mengenal kebudayaan melalui sastera".

Penulis tunggal menghasilkan karya sastra mewakili zamannya ialah Abdullah bin Abdul Kadir Munshi. Menerusi karyanya, Hikayat Abdullah, kita dapat melihat beberapa kisah tentang makhluk-makhluk ghaib seperti hantu, penanggalan, pontianak, langsuir, polong dan jembalang. Kisah-kisah itu dibahasakan Abdullah sebagai "Kepercayaan Anak-anak Melayu Yang Sia-sia Lagi Bodoh". Dengan kisah-kisah ini Abdullah menyatakan kepercayaan orang-orang Melayu terhadap anamisma. Dan, penghayatan kepercayaan itu termasuk unsur ketujuh dalam Kemestaaan Kebudayaan yang disebutkan tadi.

Menerusi "Hikayat Abdullah" dan "Hikayat Pelayaran Abdullah" juga kita dapat melihat betapa cara orang-orang Melayu mengubati penyakit. Abdullah mengisahkan bagaimana dia dinasihati keluarganya apabila dia mengubati sakit pasang-pasang (burut)nya dengan cara pembedahan doktor. Ia mengisahkan juga bagaimana dia dinasihati isterinya (di Melaka) supaya menjaga diri baik-baik kerana pada masa itu di Singapura (tempat Abdullah bekerja) sedang musim potong kepala. Selanjutnya Abdullah menceritakan juga tentang kehidupan orang-orang kampung yang penuh dengan kekotoran; tentang sikap orang-orang Melayu Singapura yang pandai bertutur bahasa Inggeris (jika ditanya dalam bahasa Melayu makan dijawabnya dengan bahasa Inggeris).

Banyaklah lagi kisah-kisah yang diceritakan Abdullah dalam kedua bukunya itu tentang ciri-ciri kebudayaan kita pada zaman hayatnya, sehingga selain daripada merupakan catatan-catatan tentang pengalaman dan kehidupannya maka banyaklah kritik-kritiknya terhadap keadaan hidup orang-orang Melayu yang terkandung dalam kedua-dua bukunya itu.

Melalui novel-novel Melayu dalam tahun-tahun 1930an, kita mulai dapat melihat ciri-ciri kritik kebudayaan menerusi kisah-kisah masyarakat yang dihidupkan dalam novel-novel itu; mulai dari kritik-kritik terhadap sistem persemendaan, terhadap penyalahgunaan ajaran-ajaran agama, kepincangan-kepincangan masyarakat dalam hal sosial dan ekonomi, hinggalah kepada amalan-amalan politik yang tidak adil telah dibincangkan oleh para sasterawan kita menerusi novel-novel mereka.

Sebelum tahun-tahun 30an, sistem persemendaan yang diamalkan oleh masyarakat kita ialah betapa ibubapa memilih menantu; penentuan persemendaan itu dibuat bulat oleh ibubapa berdasarkan kriteria (antaranya)

tentang keturunan calon menantu itu, amalan-amalan agamanya, kepandaian-kepandaian mengurus anak-suami dan rumah-tangga, serta hormat/patuhnya terhadap suami dan mentuanya. Sistem ini diistilahkan oleh sasterawan-sasterawan dengan ungkapan "Kahwin Paksa". Sistem Kahwin Paksa ini ditentang oleh para sasterawan zaman itu. Dan, reaksi dari membaca kritik-kritik menerusi novel-novel itu, maka sistem memilih menantu itu (jelasnya kelihatan semenjak lepas perang dunia II) telah berubah menjadi sistem memilih isteri; calon-calon suami diberi kesempatan menentukan gadis-gadis yang bakal menjadi isteri mereka.

Mulai tahun-tahun 40an, terutama zaman pendudukan Jepun dan sesudahnya, cerpen menjadi satu media sastera yang popular. Yang menjadi tema kebanyakan cerpen ialah kesedaran kebangsaan: keadilan sosial dan kemakmuran rakyat. Dalam pada itu tema-tema novel yang tersebut di atas tadi juga diteruskan dalam cerpen-cerpen itu. Cerpen lebih pantas memenangi pembaca jika dibandingkan dengan novel yang memerlukan banyak masa - masyarakat sekarang kesuntukan masa.

Sesuai dengan keadaan terakhir dan keadaan sastera kini, sistem persemendaan pilih menantu yang sudah berubah menjadi pilih isteri itu pun berubah lagi; sekarang menjadi pilih spouse (pasangan). Tiap-tiap calon pengantin - sang teruna dan sang gadis - adalah sama-sama berhak menentukan samada perhubungan mereka perlu diperkukuh dengan ikatan perkahwinan.

Satu cabang sastera lagi kita kenal dengan kata "PUISI". Yang dikatakan Puisi itu termasuklah sisomba, karmina, peribahasa (termasuk ungkapan, pepatah-bidalan, perbilangan dan periumpamaan atau perumpamaan). Oleh percaturan hidup Puisi kita diresapi pula oleh gurindam, seloka dan syair; dan paling akhir kita berkenalan pula dengan sajak (yang sangat popular di zaman kini, sejajar dengan cerpen).

Menerusi puisi-puisi asli kita, terjalinlah pendidikan masyarakat kita. Menerusi puisi kita dididik untuk mengenal dan menghayati hukum-hukum, adat lembaga, tradisi dan nilai-nilai hidup yang baik. Asas atau basik hukum dan adat dalam kehidupan masyarakat kita adalah tersusun dalam perbilangan yang berbentuk Puisi, petiakanlah:

Ke laut Adat Temenggung;  
ke darat Adat Perpatih.

## Adat Temenggung:

siapa menjala siapa terjun  
 siapa berhutang siapa membayar  
 siapa salah siapa bertimbang  
 siapa membunuh siapa kena bunuh;

## Adat Perpatih:

hutang berturut  
 cagar bergadai  
 cencang pampas  
 bunuh berí balas.

Selain daripada dapat melihat nilai estetika sebagai puisi, kita dapat juga menikmati nilai budaya dalam puisi itu, iaitu tentang hukum-hukum atau aturan-aturan hidup dua golongan manusia yang menganuti dua adat yang setara itu.

Konsep kekeluargaan; hidup sandar-menyandar dan sama bertanggung-jawab dalam kehidupan masyarakat Melayu dinyatakan dalam perumpamaan "seperti aur dengan tebing" iaitu saling penting-mementingi; dan dinyatakan dalam perbilangan adat:

Duduk berpelarasan  
 dekat rumah dekat kampung  
 halaman satu sepermainan  
 seperigi sepermandian  
 segayung sepergiliran  
 sejamban setepian.

Muafakat tak bertukar  
 rahsia tak berubah.

Ibarat labu menjalar ke hulu  
 ibarat kundur menjalar ke hilir;  
 pangkalnya sama dipupuk  
 pucuknya sama digantis  
 buahnya sama ditarik.

Bukit sama didaki  
 lurah sama dituruni  
 laut sama direnangi;

Berat sama dipikul; ringan sama dijinjing,  
 hati gajah sama dilapah; hati kuman sama dicecah.  
 Sembah kepada datuk!



Menerusi perbilangan adat itu jelaslah bahawa falsafah hidup dalam keadaan sentiasa bekerjasa antara anggota masyarakat Melayu adalah asli. Falsafah hidup "duduk sama rendah berdiri sama tinggi"; pembahagian hak milik yang sama rata sama rasa (seperti yang dimaksudkan orang sekarang dengan ajaran "demokrasi") itu memanglah semulajadi menjadi pegangan hidup orang-orang Melayu. Ia jelas dirakamkan dalam puisi tadi.

Bertalian dengan ungkapan "sembah kepada datuk" di akhir perbilangan adat tadi, hukum dan adat masyarakat hidup bersama itu diasaskan kepada susunan-susunan bersistem seperti yang dinyatakan dalam perbilangan:

Sepertama kalam Allah  
 kedua kalam Nabi  
 ketiga kalam nang tua,  
     Bak apalah kalam nang tua?  
     Alam beraja  
     luak berpenghulu  
     buapak beranak buah!

Pastilah bahawa yang dimaksudkan dengan kalam Allah itu Quran, dan yang dimaksudkan dengan kalam Nabi itu pula ialah hadis. Maka yang dimaksudkan dengan kalam nang tua itu ialah perkataan; suara; pendapat atau kewibawaan Orang Yang Dituakan iaitu Yang Dipertua/Yang Dipertuan (samada raja; penghulu atau buapak); disesuaikan dengan keadaan sekarang ialah pemerintah!

Anggota-anggota masyarakat yang tidak patuh menuruti sistem itu akan dianggap melanggar adat atau tidak beradat. Buapak berhak mengetepikan anggota itu dari golongannya; sekalipun yang dinyahkan itu adalah anak buahnya ataupun anak kandungnya sendiri. Inilah yang diungkapkan orang dengan perbilangan "biar mati anak; jangan mati adat". Dan, adat yang dipertahankan itupun bukanlah adat yang sebarang-barang, melainkan Adat Nan Kawi, iaitu adat yang kukuh; yang telah diamalkan zaman-bersaman; adat yang bersendi syarak yang berlandaskan kalam Allah, kalam Nabi dan kalam nang tua tadi.

Dalam penghayatan kebudayaan masyarakat kita lebih condong kepada peradaban daripada kepada sivilisasi; lebih berat kepada moral culture daripada kepada material culture. Itulah sebabnya apabila kita membicarakan kebudayaan, unsur-unsur bahasa tidak dapat dipisahkan dengan unsur-budi; malah orang yang berbudibahasa dianggap orang yang berkebudayaan,

manakala orang yang tak reti bahasa dianggap orang biadab; kurang ajar atau tak berkebudayaan.

Ketinggian nilai budi dan bahasa itu dapat kita lihat melalui pantun, misalnya pantun-pantun ini:

- (a) Yang kurik ialah lundi,  
 Yang merak ialah saga;  
 Yang cartik ialah budi,  
 Yang indah ialah bahasa.
- (b) Pulau Pandan jauh ke tengah,  
 Di balik Pulau Angsa Dua;  
 Hancur badan dikandung tanah,  
 Budi yang baik dikenang jua.

Membandingkan nilai budibahasa itu dengan nilai material dapat kita lihat melalui pantun seperti:

Pisang emas dibawa belayar,  
 Masak sebiji di atas peti;  
 Hutang emas boleh dibayar,  
 Hutang budi dibawa mati. ..dan yang seumpamanya.

Boleh juga kita lihat hal demikian itu melalui perbilangan-perbilangan, misalnya:

Emas perak mudah dicari;  
 budibahasa tak dijual-beli.  
 Orang berbudi kita berbahasa;  
 orang memberi kita merasa.  
 Kurang budi teraba-raba;  
 kurang ilmu gelaplah dunia! .. atau sebagainya.

Kedatangan sivilisasi dan pemodernan Barat yang meletakkan nilai hidup lebih bergantung kepada material, perlahan-lahan menghakiskan nilai budibahasa ketimuran kita. Masalah ini sekarang menjadi masalah sosial kita. Para pemimpin masyarakat kita sekarang sedang melaksanakan kempen-kempen supaya kita hayati nilai-nilai hidup ketimuran yang murni. Kekesalan masyarakat penyanjung budibahasa kita jelas kelihatan menerusi pantun-pantun seperti:

- (a) Iuas saya bertanam ubi,  
 Nanas datang dari seberang;  
 Puas sudah menabur budi,  
 Emas juga dipandang orang!

(b) Buah langsung kuning menceleh,  
 Keduduk tidak berhunga pagi;  
 Sudah dapat gading bertuah,  
 Tanduk tidak berguna lagi!

Selain dari pendekatan menerusi prosa (novel dan cerpen) dan puisi, sastera menyampaikan juga perutusannya menerusi drama; samada menggunakan senitutor (dialog) atau menggunakan geraklaku para senimannya ataupun menggunakan kedua-duanya sekali. Jika ia disampaikan menerusi methode kedua, iaitu menggunakan geraklaku maka ia agak sukar dimengertikan oleh penerima-penerima/penonton-penonton umum yang kurang tajam daya pemikirannya.

Bagaimanapun, oleh kerana persembahan drama itu adalah merupakan terjemahan idea dari daya kiasan pemikir (sasterawan) yang mahu cuba memperelok keadaan hidup manusia, maka pastilah kedatangan menerusi persembahan-persembahan drama itu unsur-unsur kebudayaan, seperti yang boleh kita dapati dari sastera tulisan juga. Malah menerusi drama itu kita lebih jelas dapat melihat pakaian, alatan, gayatutur, tingkahlaku para seniman yang menyampaikan perutusan sastera yang dihadirkan oleh sasterawan tertentu.

#### Kesimpulan:

1 Dari hal-hal yang didedahkan di atas tadi, kita mendapati bahawa kesusasteraan telah menggambarkan pengalaman-pengalaman kebudayaan dari zaman ke zaman; walaupun kebudayaan yang dipaparkan itu tidak berbentuk anjuran atau arahan secara jelas (seperti yang dinyatakan dalam buku-buku pelajaran atau pengetahuan tentang kebudayaan).

Menerusi apa yang dipaparkan itu, kita mendapati ada beberapa nilai hidup yang dihayati orang-orang yang terdahulu itu masih relevan dan boleh dihayati oleh orang sekarang. Sistem hidup dalam masyarakat bersatu; sistem kepemimpinan masyarakat; nilai budibahasa dan yang seumpamanya mungkin perlu mendapat perhatian kita sekalian.

2 Angkatan Sasterawan 50 dalam rangka usahanya buat tahun-tahun Kongres Bahasa (1952; 1953-54 dan 1956) telah memaktubkan dalam memorandanya: bahawa: bahasa dan kesusasteraan adalah alat untuk perpaduan kebangsaan dalam perjuangan mencapai kemerdekaan, dan bahawa bahasa dan kesusasteraan

adalah juga alat untuk memajukan fikiran rakyat sesuai dengan cita-cita keadilan dan kemakmuran masyarakat, serta keamanan dan perdamaian manusia.

Apabila kemerdekaan Malaya mulai tercapai pada tahun 1957, maka matlamat pertama (pencapaian kemerdekaan) telah tercapai tetapi matlamat kedua: iaitu memajukan fikiran rakyat sesuai dengan cita-cita keadilan dan kemakmuran masyarakat serta keamanan dan perdamaian manusia itu masih lagi dalam proses. Dengan cita-cita hendak mencapai matlamat kedua itu-lah maka pada tahun 1969 Asas 50 membaharui usahanya dengan motto "sastera bina manusia".

3 Sependapat dengan pengakuan Menteri Negara Kanan Kementerian Pelajaran menerusi Berita Harian 2 Mac 1977 (saya tukil) "adalah diakui bahawa pemindahan budaya, tradisi, nilai-nilai dan sikap adalah terbaik dilakukan menerusi bahasa ibunda" itulah maka Asas 50 menyokong KGMS yang mengemukakan usul supaya memasukkan pelajaran sastera ke dalam pengajaran bahasa ibunda (bahasa kedua di sekolah-sekolah Inggeris di sini) pada tahun lalu.

Sesuai dengan unsur-unsur kebudayaan yang hendak diperkekal dan dipelihara itu dapat dikenal melalui kesusteraan, maka saya rasa seminar ini perlu memerhatikan dengan serious terhadap usul KGMS itu.

4 Terpulanglah kepada penganjur serta peserta-peserta seminar ini dan sekalian anggota masyarakat kita yang merasa terlibat untuk terus meneliti, mengkaji dan bertindak seperlunya untuk menghayati nilai-nilai hidup yang dapat kita perolehi menerusi kesusasteraan itu; jangan setakat hendak mengenalinya sahaja tanpa sebarang rumusan.

SEKIAN.